

Negara APEC sasar perjanjian Trans-Pasifik Julai 2012, kata Najib
The Malaysian Insider
13 November , 2011

HONOLULU, 12 Nov — Pemimpin-pemimpin Asia Pasifik semalam bersetuju dalam menetapkan Julai 2012 sebagai tarikh akhir untuk memeterai perjanjian perdagangan Trans-Pasifik, kata Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Razak.

“Kami telah mencapai persetujuan umum bahawa Julai harus menjadi tarikh akhir kami,” kata Najib kepada sekumpulan kecil pemberita selepas menghadiri pertemuan sarapan pagi yang dihoskan oleh Presiden Barack Obama di sini.

“Ia satu cita-cita yang besar sebab banyak kerja yang perlu dilakukan tetapi kami akan bergerak keras agar kita boleh lakukan dan berharap dapat mencapai sasaran yang ditetapkan,” katanya lagi.

Menurut Najib, pemimpin-pemimpin yang menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik pada prinsipnya bersetuju untuk membenarkan Jepun dan negara-negara lain menyertai sembilan negara yang sudah pun mengambil bahagian dalam perbincangan itu.

Beliau menekankan bahawa tidak harus ada kelewatan dalam proses ke arah itu.

Amerika Syarikat sedang berunding dengan Australia, New Zealand, Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura, Vietnam, Chile dan Peru untuk membangunkan Kerjasama Trans-Pasifik (TPP). — Reuters

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: [http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/negara-apec-sasar-perjanjian-t
rans-pasifik-julai-2012-kata-najib/](http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/negara-apec-sasar-perjanjian-trans-pasifik-julai-2012-kata-najib/)